

January 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

71st
ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
MENJANA TRANSFORMASI AQLIYAH 2015

23 Disember 2015

Penjuruan Fakulti Kejuruteraan Me'kani



UiTM Transformation Program

ISSN 2232-1578



9 772232 157005

MATHEMATICAL EXPLORATION RACE

info kampus
71st ISSUE

31


Oleh: Afiqah Faizurin bt Zaharinan

Program 'Mathematical Exploration Race' merupakan salah satu aktiviti kemasyarakatan di mana ahli Persatuan Sains Matematik (PRISMATICS) dapat melibatkan diri mereka sebagai fasilitator untuk membantu murid-murid sekolah rendah mendalami subjek matematik. Fokus aktiviti ini adalah murid Tahun 6 dan ianya adalah sebagai persediaan sebelum mereka melangkah ke peringkat yang lebih tinggi, iaitu sekolah menengah. Sekolah yang terlibat ialah Sekolah Kebangsaan Meranek dan Sekolah Kebangsaan Dato Mohd Musa.

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk i) memenuhi elemen kemahiran insaniah seperti yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi iaitu kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan, ii) memberikan suasana yang menarik minat kepada murid sekolah rendah untuk mempelajari subjek matematik, iii) meningkatkan motivasi di dalam diri murid sekolah serta melatih para pelajar untuk berfikir secara kreatif, iv) membantu murid sekolah rendah memahami subjek matematik dengan lebih mendalam melalui cara yang menyenangkan, serta v) merapatkan hubungan di antara pelajar UiTM dengan masyarakat luar.

Bilangan peserta yang terlibat dalam aktiviti ini yang telah berlangsung pada 16 Oktober 2015, bertempat di Pusat Pelajar Seri Kenyalang, Kampus Samarahan 2 adalah seramai 114 orang, yang merangkumi 75 murid-murid, 32 fasilitator dan 7 guru pengiring. Aktiviti-aktiviti yang telah disediakan sepanjang program berlangsung adalah seperti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dan sukaneka yang berkonsepkan 'Explorace'.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya mencapai sasaran iaitu dapat menunjukkan matematik daripada sudut yang lain serta membudayakan matematik di kalangan murid sekolah rendah. Program ini telah banyak mengajar ahli-ahli persatuan dalam menganjurkan aktiviti mengikut garis panduan yang betul. Pelajar juga dapat belajar bagaimana memimpin dan mengelola sesuatu aktiviti dengan lebih berkesan. Oleh yang demikian, program ini harus diteruskan di masa hadapan kerana ia dapat memberi kesan positif kepada pelajar sekolah rendah malah ia juga dapat merapatkan hubungan antara ahli-ahli kelab PRISMATICS.



Participants include students of Bachelor in Science Aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang program berlangsung



PROGRAM LAWATAN ILMIAH SK BERADEK KE UiTM SARAWAK

Oleh: Lenny Yusrina Bujang Khedif

Pada 2 September 2015, satu program Lawatan Ilmiah SK Beradek ke UiTM Sarawak telah diadakan dengan jayanya di Kampus Samarahan 2, UiTM Sarawak. Program ini adalah hasil kerjasama Jabatan Sains Komputer UiTM Sarawak dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Sarawak. Seramai 28 orang murid Sekolah Kebangsaan Beradek hadir dalam program ini. Turut serta adalah 28 orang ibu atau bapa murid sekolah berkenaan bersama 3 orang guru dan jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru SK Beradek.

Melalui program ini, sekumpulan pelajar tahun 6, yang bakal menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dari SK Beradek bersama dengan ibu bapa mereka dapat merasai pengalaman dan pendedahan secara langsung mengenai suasana pembelajaran di universiti. Pengalaman ini boleh menjadi dasar untuk membentuk cita-cita tinggi di dalam diri para pelajar dan dorongan serta sokongan lebih padu daripada para ibu bapa yang terlibat. Selain daripada itu, program sebegini dapat memberi pendedahan kepada para ibu bapa

pelajar yang terlibat mengenai kepentingan melanjutkan pelajaran ke universiti di kalangan anak-anak mereka. Ini sekaligus dapat membantu pelajar meningkatkan keyakinan diri untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik mahupun sosial dengan adanya lawatan ke institusi pengajian tinggi dan seterusnya menanam azam yang tinggi untuk menjejak kaki ke Menara Gading.

Pelbagai pengisian sama ada akademik mahupun kerohanian telah dikongsikan bersama oleh barisan akademik UiTM Sarawak. Antara aktiviti yang telah diadakan adalah lawatan di sekitar UiTM Sarawak Kampus Samarahan 2, ceramah agama oleh pihak ACIS, motivasi pelajar, bengkel keibubapaan, dan bengkel interaktif bersama COMPASS. Walaupun program hanya diadakan dalam masa sehari, namun banyak perkongsian dan motivasi sama ada dari segi akademik dan kerohanian telah diperolehi oleh semua pihak termasuk guru, PIBG, ibu bapa, murid-murid Tahun 6 SK Beradek dan pihak UiTM Sarawak khususnya pensyarah di Jabatan Sains Komputer.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my